

KOPERASI KREDIT LANGGAN SPEKAR

● Bagi memastikan ekosistem kewangan koperasi dapat ditadbir dan diperkasakan, kata Ewon

KOTA KINABALU: Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick menyarankan agar lebih banyak koperasi dan agensi pemberi dana pembiayaan atau koperasi kredit melanggan serta menggunakan Ekosistem Sektor Kewangan Kredit Koperasi (SPeKAR).

Beliau berkata, ia penting bagi memastikan ekosistem kewangan koperasi dapat ditadbir dengan baik dan diperkasakan.

"SPeKAR berada di barisan hadapan dalam merevolusikan penggunaan

sistem pelaporan kredit dengan memanfaatkan teknologi terkini untuk

memperkasakan data kredit dan perniagaan.

"Inisiatif ini amat

membantu pihak kerajaan dan koperasi bagi penurunan bilangan

pinjaman tidak berbayar (NPL) disebabkan maklumat yang tidak

mencukupi ketika proses penyaringan kelayakan.

"Usaha ini juga selaras langkah strategik bagi pembentukan persekitaran perniagaan mampan dan lestari di bawah Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TRANSKOM)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Ulang Tahun Sedekad Inovasi Bersama SPeKAR

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan Majlis Penghargaan Pelanggan SPeKAR di Putrajaya kelmarin.

Ewon berkata, usaha kerajaan bagi strategik ini adalah membangunkan program adaptasi teknologi berstruktur dengan kerjasama pihak industri, mewujudkan Pusat Sehenti Koperasi secara fizikal dan virtual, menyediakan pembiayaan alternatif seperti platform crowdfunding dan Peer-to-peer (P2P) ataupun koperasi kepada koperasi.

"Tahniah kepada ANGKASA dan rakan strategiknya EXPERIAN

Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd. kerana berjaya melakar satu lagi pencapaian dengan mewujudkan satu pusat sehenti pelaporan kredit komprehensif dan mampan bagi memperkasakan SPeKAR," katanya.

Menurutnya, kerjasama strategik antara ANGKASA dan EXPERIAN satu kolaboratif perniagaan terbaik dalam menambah nilai sistem pelaporan kredit bagi membantu menambah baik penilaian kredit pelanggan.

Selain itu, ia menjadi Coop's One Stop Data Centre setaraf fungsi tambahan yang diperkenal sistem ini seperti Data Maklumat Kredit Bank, Maklumat Litigasi, Status Mufliis, Info Pemilikan Syarikat, Penyenaarai Hitam 'Blacklist' dan Lain-Lain Maklumat Kredit.

Turut hadir Ketua Setiausaha KUSKOP Dato' Sri Suriani Dato Ahmad, Presiden ANGKASA Dato Seri Abdul Fattah Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif EXPERIAN Dwan Lai.



RA SMI: Ewon (tengah) ketika menyempurnakan simbolik perasmian.